

Cuba minta Malaysia tambah peruntukan Kredit Minyak Sawit

UM 12 MAY 2001

PUTRAJAYA 11 Mei — Cuba meminta Malaysia menambah peruntukan kredit di bawah Skim Kredit Minyak Sawit sebanyak RM57 juta bagi mengimport minyak sawit negara ini.

Permintaan itu dinyatakan oleh Presiden Cuba, Fidel Castro dalam mesyuarat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, pada dasarnya Malaysia bersedia memenuhi permintaan itu tetapi mahu Cuba antara lain memastikan kesemua kemudahan

kredit untuk minyak sawit yang diberikan sebelum ini telah digunakan sepenuhnya.

Ini kerana pada masa ini, Cuba mendapat kemudahan kredit sebanyak RM38 juta tetapi belum digunakan sepenuhnya, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat antara pegawai tertinggi Cuba dan Malaysia di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Mesyuarat itu diadakan sempena lawatan Castro selama tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Lawatan atas undangan Yang di-Pertuan

Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah itu merupakan lawatan Castro yang pertama ke negara ini.

Dalam mesyuarat itu, kata Syed Hamid, Malaysia dan Cuba juga telah menyentuh soal penubuhan pusat atau suruhanjaya yang akan menjalankan tugas-tugas penyelidikan bagi Negara-negara Selatan atau Kumpulan 77 (G-77).

Katanya, pusat yang pernah dibincangkan dalam mesyuarat G-77 di Havana, Cuba tahun lalu akan diwakili oleh satu kumpulan kecil negara-negara supaya lebih mudah digerakkan.